

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Penyediaan perkhidmatan Internet di sekolah-sekolah dilaksanakan melalui projek 1BestariNet di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia. Namun begitu, Kementerian melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) turut melaksanakan pelbagai inisiatif peluasan jalur lebar ke kawasan-kawasan pedalaman melalui pembinaan menara komunikasi, Pusat Internet 1Malaysia (PI1M) dan projek peluasan rangkaian teras.

Sehingga kini, di kawasan Keningau sebanyak 9 menara komunikasi telah siap dilaksanakan. Di samping itu, 7 PI1M juga telah siap dibina. Bagi projek penaiktarafan liputan 3G pula, daripada 440 lokasi di Sabah yang telah siap dilaksanakan, 18 lokasi adalah di sekitar Keningau.